

U B626 DEB  
 PARLIMEN - PERLEMBAGAAN (TANAH) R R R

KUALA LUMPUR, 17 MAC (BERNAMA) -- BEBERAPA PERKARA YANG MENGENAI TANAH DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DIPINDA UNTUK MELICINKAN RANCANGAN PENSWASTAABN KERAJAAN, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DI DEWAN RAKYAT HARI INI.

KETIKA MEMBENTANGKAN RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) BELIAU BERKATA, PERKARA 84 PERLEMBAGAAN MENETAPKAN TANAH YANG TERLETAKHAK KEPADA PERSEKUTUAN ATAU PIHAK BERKUASA AWAM YANG TIDAK LAGI DIKEHENDAKI UNTUK MAKSUD-MAKSUD PERSEKUTUAN MESTILAH BERBALIK KEPADA NEGERI.

KATANYA, PELAKSANAAN DASAR PENSWASTAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN MUNGKIN MELIBATKAN TANAH YANG DIPEGANG UNTUK MAKSUD PERSEKUTUAN ATAU PIHAK BERKUASA AWAM DIURUSKAN DENGAN CARA YANG MUNGKIN MENIMBULKAN ANGGAPAN BAHAWA TANAH ITU TERHENTI DIPERLUKAN OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN.

KATA BELIAU, SYARAT PERKARA 84 ITU AKAN MENYEKAT ATAU MENYULITKAN PELAKSANAAN DASAR PENSWASTAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN.

PINDAAN MENCADANGKAN PERKARA ITU DIMANSUHKAN SUPAYA KERAJAAN PERSEKUTUAN ATAU PIHAK BERKUASA AWAM YANG BERKENAAN AKAN KEKAL MEMILIKI TANAH ITU WALAUPUN IA TIDAK LAGI DIPERLUKAN UNTUK MAKSUD-MAKSUD PERSEKUTUAN.

-- LAGI.

1924MST 17 03 88

U B630 DEB

PARLIMEN - PERLEMBAGAAN (TANAH) 2 KUALA LUMPUR R R R

BELIAU BERKATA PERKARA 83 PERLEMBAGAAN JUGA DIPINDA SUPAYA KERAJAAN NEGERI BOLEH MEMBERI TANAH KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN, ATAS SYARAT-SYARAT YANG DIPERSETUJUI BERSAMA, TANPA KERAJAAN PERSEKUTUAN MEMBUAT PERMINTAAN FORMAL.

KATANYA INI KERANA ADA KEMUNGKINAN TIMBUL KEADAAN-KEADAAN YANG AKAN MENGUNTINGKAN KERAJAAN NEGERI DAN KERAJAAN PERSEKUTUAN SEKIRANYA KERAJAAN NEGERI BOLEH MEMBERIKAN TANAH KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN TANPA KEPADA FORMALITI MEMBUAT PERMOHONAN WALAUPUN TANAH ITU TIDAK DIPERLUKAN PADA MASA ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERKARA 85 DIGANTIKAN DENGAN PERKARA BARU DI MANA KERAJAAN PERSEKUTUAN BERHAK MEMINTA KERAJAAN NEGERI SUPAYA MEMBERI MILIK TANAH REZAB PERSEKUTUAN KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN, DENGAN SYARAT IA MEMBAYAR NILAI PASARAN BAGI TANAH ITU.

PERKARA 86 YANG MENGAWAL PELUPUSAN TANAH YANG TERLETAKHAK KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN DIPINDA UNTUK MEMBERI KEBEBASAN KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN MELUPUSKAN APA-APA TANAH YANG TERLETAKHAK KEPADA MANA-MANA ORANG SEBAHAGIAN YANG DIFIKIRKAN PATUT.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DI BAWAH PERKARA 86 ASAL, KERAJAAN PERSEKUTUAN TIDAK BOLEH MELUPUSKAN TANAH YANG TERLETAKHAK PADANYA KECUALI UNTUK MAKSUD PERSEKUTUAN.

INI MENYULITKAN PELAKSANAAN RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN DAN EKONOMI KERAJAAN PERSEKUTUAN, KHUSUSNYA RANCANGAN PENSWASTAAN, YANG AKAN MELIBATKAN PELUPUSAN TANAH KEPADA PIHAK-PIHAK LAIN, SELAIN DARIPADA PIHAK BERKUASA AWAM YANG MUNGKIN PULA AKAN MENGAKIBATKAN TANAH ITU DIGUNAKAN BAGI MAKSUD-MAKSUD BUKAN PERSEKUTUAN, SEDANGKAN TANAH ITU TIDAK DIRANCANG AKAN BERBALIK KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN.

-- LAGI.

1943MST 17 03 88

0418

R B638 DEB  
PARLIMEN - PERLEMBAGAAN (TANAH) 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI PINDAAN YANG MENYENTUH MAHKAMAH SYARIAH, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BAGI MENJAMIN KEWIBAWAAN MAHKAMAH ITU, MAKA SEWAJARNYA MAHKAMAH TERSEBUT DIBERI KUASA PENUH UNTUK MENENTU DAN MEMUTUSKAN PERKARA-PERKARA YANG TERMASUK DALAM BIDANG KUASANYA, APATAH LAGI YANG MELIBATKAN HUKUM SYARIAH.

OLEH DEMIKIAN PINDAAN MENCADANGKAN SUPAYA DITAMBAH SATU FASAL BARU KEPADA PERKARA 121 PERLEMBAGAAN IAITU FASAL (1A), YANG MENJELASKAN BAHAWA MAHKAMAH-MAHKAMAH YANG TERSEBUT DALAM PERKARA ITU TIDAK MEMPUNYAI BIDANG KUASA BERKENAAN APA-APA PERKARA YANG TERLETAK DI BAWAH MAHKAMAH SYARIAH.

PERNAH BERLAKU KEADAAN DI MANA SESEORANG YANG TIDAK PUAS HATI DENGAN KEPUTUSAN MAHKAMAH SYARIAH TENTANG PENJAGAAN KANAK-KANAK TELAH MEMBAWA GUAMAN ITU KE MAHKAMAH TINGGI DAN BERJAYA MENDAPAT KEPUTUSAN YANG BERLAINAN.

MENGENAI PINDAAN TERHADAP PERKARA 5 YANG, ANTARA LAINNYA, MENSYARATKAN BAHAWA ORANG YANG KENA TANGKAP HENDAKLAH DIHADAPKAN KEPADA MAJISTRET DALAM TEMPOH 14 HARI DARIPADA TEMPOH 24 JAM SEKARANG INI UNTUK MEMBOLEHKAN DIA DITAHAN SELANJUTNYA, BELIAU BERKATA:

+DARI PENGALAMAN KERAJAAN MENGURUSKAN KES-KES ORANG YANG MEMASUKI NEGARA INI SECARA HARAM, IA MENDAPATI SUKAR HENDAK MEMBAWA MEREKA KE HADAPAN MAJISTRET DALAM TEMPOH 24 JAM.+ -- BERNAMA  
2141MST 17 03 88